

Bahagian A: (20 markah)

Beri perkataan seerti atau seiras bagi perkataan yang bergaris bawah dalam tiap-tiap butiran berikut. Pilih jawapan yang betul.

1. Siti disayangi oleh ibu dan bapanya kerana dia anak yang **patuh**.

sopan
baik
rajin
taat

2. Adi berasa **gerun** kerana sampan yang dinaikinya bergoyang-goyang.

mabuk
bimbang
penat
takut

3. Pengetua **mendenda** murid-murid itu kerana sering melanggar peraturan sekolah.

menyaman
memukul
menghukum
memarahi

4. Kain jarang ini tidak **padan** untuk dibuat baju kurung.

sesuai
cantik
cukup
lengkap

5. Sebuah jambatan yang **teguh** akan dibina merentangi sungai yang lebar itu.

moden
panjang
kukuh
indah

6. Sudah saya **duga** Abu akan datang awal ke sekolah.

jangka
tahu
yakin
sedar

7. **Sepatu** kulit Osman telah dibelikan oleh kakaknya di luar negeri.

Setokin
Seluar
Capal
Kasut

8. Makanan yang Cik Yati jual di pasar malam itu sungguh **laris**.

habis
laku
lazat
terkenal

9. Datuk telah jatuh **sakit** setelah mendengar berita kehilangan cucu kesayangannya.

derita
pedih
uzur
perit

10. Air **telaga** itu telah tercemar.

perigi
tasik
sungai
kolam

Bahagian B: (20 markah)

Beri perkataan berlawanan atau berpasang bagi perkataan yang bergaris bawah dalam tiap-tiap butiran berikut.

1. Pekerja yang **cuai** itu telah dibuang kerja.

rajin
teliti
patuh
jujur

2. Ikan-ikan di tasik itu boleh dilihat kerana airnya sangat **jernih**.

kotor
keruh
jarang
cetek

3. Air sungai itu **pasang** pada waktu pagi.

surut
jatuh
rendah
cabut

4. **Ubat** yang dimakan oleh adik itu sangat mujarab.

Penawar
Pil
Racun
Madu

5. Orang yang berhati **mulia** tidak akan menyakiti hati orang lain.

baik
buruk
waras
hina

6. Bau bunga mawar itu sangat **wangi**.

busuk
sedap
harum
hidu

7. Farid telah **lupa** akan nama budak itu.

tahu
ingat
sedar
perasan

8. Perut saya sakit kerana terlalu **lapar**.

penuh
ketat
banyak
kenyang

9. Salina mengangkat beg yang **berat** itu.

malas
halus
ringan
sedikit

10. Kucing peliharaan itu sangat **jinak**.

baik
ganas
liar
jahat

Bahagian C: (20 markah)

Pilih kata gandaan yang sesuai bagi melengkapkan tiap-tiap butiran berikut.

1. Beruang sarkas itu _____ mati apabila ditembak oleh pelatuhnya dengan pistol mainan.

tiba-tiba
pura-pura
cuba-cuba
ikut-ikut

2. Ke mana sahaja Puteri Aini pergi dia akan ditemani oleh _____nya.

amah-amah
dewi-dewi
pari-pari
dayang-dayang

3. Kaki ibu _____ kerana terlalu lama duduk bersila.

gatal-gatal
semut-semut
luka-luka
sedu-sedu

4. Negara kita akan menjadi huru-hara kalau rakyatnya tidak mematuhi _____.

syarat-syarat
ikrar-ikrar
rukun-rukun
undang-undang

5. Zaini sakit kepala tetapi ibunya menyangka dia hanya _____ sahaja.

cuba-cuba
suka-suka
rasa-rasa
main-main

6. Apabila Encik Rosli menutup pintu bilik tidurnya, tangan anak perempuannya _____ tersepit.

dekat-dekat
nyaris-nyaris
cepat-cepat
jari-jari

7. Harga _____ di gerai itu mahal walaupun telah layu-layu belaka.

ikan-ikan
kuih-muih
sayur-mayur
lauk-pauk

8. _____ boleh bercahaya pada waktu malam.

Jentik-jentik
Pijat-pijat
Anai-anai
Kunang-kunang

9. Keadaan di pasar itu _____ dengan suara orang ramai.

riuh-rendah
gopoh-gapah
kelam-kabut

nyaring-nyaring

10. Adik menangis kerana _____nya tercucuk tulang ikan.

tupai-tupai

gigi-gigi

langit-langit

sibur-sibur

Bahagian D: (20 markah)

Pilih perkataan berimbuhan yang betul bagi melengkapkan tiap-tiap butiran berikut .

1. Adik hanya akan makan ubat itu kalau _____ oleh ayah.

dipaksa

terpaksa

paksaan

memaksa

2. Bapa selalu menasihati kami supaya _____.

jimatkan

penjimat

berjimat

menjimatkan

3. Emak _____ pokok-pokok bunga di taman ini dua hari seminggu.

menyiram

tersiram

disiram

bersiram

4. Kakak Ali bersolek kerana ingin _____ cantik.

melihat

kelihatan

dilihat

penglihatan

5. Pokok rambutan di belakang rumahnya tidak pernah _____.

buah
membuah
berbuah
terbuah

6. _____ televisyen ialah kegemaran saya.

Bertonton
Menonton
Tontonan
Tertonton

7. Pelawak yang _____ itu berasal dari kampung ini.

kenalkan
dikenal
terkenal
mengenal

8. Murid-murid itu sedang menjalani _____ jasmani di padang.

berlatih
latihan
pelatih
latihkan

9. Ibu _____ saya sebuah buku cerita.

membeli
terbeli
membelikan
pembeli

10. _____ itu menembak seekor singa liar.

Memburu
Pemburu
Terburu
Berburu

Bahagian E: (10 markah)

Isikan tempat kosong di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai.

Cuti sekolah telahpun berlalu. Beberapa hari sebelum sekolah dibuka, Siti telah menyiapkan buku-buku [] alat tulis yang akan dibawanya ke [] sebuah beg. Beg baru Siti [] biru. Bapa Siti [] beg itu kerana ianya cantik, murah dan [] lama. Siti berasa sangat gembira kerana akan ke sekolah semula.

Bahagian F: (10 markah)

Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pada suatu petang, Rosmohadi dan Mardiana sedang berjalan-jalan di Orchard Road. Mereka telah berjumpa dengan ibu rakan mereka, Zul. Ibu Zul memberitahu mereka bahawa Zul telah dimasukkan ke hospital setelah terjatuh semasa bermain sepatu roda. Kaki kiri Zul patah dan kedua-dua tangannya luka.

Keesokan harinya, Rosmohadi dan Mardiana pergi melawat Zul di hospital. Mereka membawa buah-buahan sebagai buah tangan. Zul berasa sangat gembira melihat kedatangan rakan-rakannya itu.

Tiga hari kemudian, Zul pun dibenarkan pulang ke rumahnya. Zul sungguh gembira kerana dia sudah bosan duduk di hospital yang sunyi itu. Zul terpaksa bergerak dengan menggunakan tongkat kerana kakinya disimen.

Kefahaman

1. Siapakah yang dijumpai oleh Rosmohadi dan Mardiana sewaktu mereka berjalan-jalan di Orchard Road?

2. Mengapakah Zul dimasukkan ke hospital?

3. Apakah kecederaan yang dialami oleh Zul?

4. Apakah yang dibawa oleh Rosmohadi dan Mardiana sebagai buah tangan?

5. Mengapakah Zul berasa sungguh gembira dapat pulang ke rumahnya?

